

TARIKH	3 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	23	RUANGAN	Dlm Negeri

Badal haji jemaah meninggal

MAKKAH 2 Okt. — Tabung Haji akan menyempurnakan ibadah badal haji jemaah Malaysia yang meninggal dunia sebelum sempat melaksanakan rukun Haji Wukuf di padang Arafah pada 9 Zulhijjah atau bersamaan 25 Oktober

Timbalan Ketua Rombongan Haji Malaysia, Tengku Aziz Raja Abdullah berkata, kos bagi badal haji untuk mereka yang meninggal dunia itu akan dibiayai menerusi tabung kebajikan Tabung Haji.

"Bagaimanapun ini bergantung kepada kebenaran waris jemaah haji berkenaan. Setakat ini, tiga jemaah haji Malaysia meninggal dunia di tanah suci," katanya kepada wartawan Malaysia di sini yang membuat liputan musim haji tahun ini.

Dalam pada itu, katanya, pihak Tabung Haji menetapkan bayaran sebanyak RM2,500 bagi mereka yang ingin mewakilkan Tabung Haji untuk melaksanakan upah haji tahun ini bagi anggota keluarga yang meninggal dunia.

"Pembayaran boleh dibuat di mana-mana pejabat Tabung Haji di tanah air," katanya.

— BERNAMA